



## **KENYATAAN MEDIA**

### **MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merujuk kepada dakwaan sesetengah pihak kononnya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Persekutuan adalah tidak mengikut lunas undang-undang kerana antara lain, wabak COVID-19 tidak diwartakan sebagai penyakit berjangkit di bawah Jadual Pertama, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

KKM ingin menjelaskan, wabak COVID-19 merupakan pandemik baharu yang berlaku di seluruh dunia. Buat masa ini wabak COVID-19 dikategorikan di bawah Perkara 30, Jadual Pertama, Akta 342 iaitu “*apa-apa jangkitan microbial yang mengancam nyawa.*”

Pindaan kepada Jadual Pertama, Akta 342 bagi menyenaraikan wabak COVID-19 sebagai penyakit berjangkit perlu dibuat melalui kuasa Menteri di bawah Seksyen 30, Akta 342.

**DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

4 Jun 2020